KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20.06.22	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	JPSM			

BH Isnin, 20 Jun 2022 Nasional 15

Kerjasama lindung hutan paya bakau

100,000 hektar benteng semula jadi hakisan boleh diancam kemusnahan

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Selangor: Hanya terdapat 520,000 hektar paya bakau yang menjadi 'benteng semula jadi' ancaman hakisan yang dilindungi, sama ada pada peringkat jabatan mahu pun kerajaan negeri ketika ini.

Timbalan Naib Canselor Pendidikan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Profesor Datuk Dr Wan Kamal Mujani berkata, terdapat 100,000 hektar kawasan paya bakau di seluruh negara ini yang tidak dilindungi dan boleh diancam kemusnahan.

Beliau berkata, ketika ini keseluruhan keluasan hutan paya bakau dilaporkan kira-kira 620,000 hektar, sama ada dilindungi atau tidak.

Katanya, keluasan hutan paya bakau di negara ini dikatakan hanya tinggal kira-kira 50 peratus sejak negara mencapai kemerdekaan.

Justeru, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sedia membantu mana-mana kerajaan negeri mencari kaedah bagi memulihara kira-kira 100,000 hutan paya bakau yang belum dilindungi di seluruh negara, selain meningkatkan ekonomi masyarakat dan negeri.

"Pada masa sama, kita juga turut mempromosikan pembangunan lestari dengan mementingkan tiga tunjang utama iaitu alam sekitar, ekonomi dan sosial menerusi kerjasama pelbagai pihak, termasuk sektor korporat dan swasta. Secara perlahan-perlahan, kita kekalkan keluasan yang ada dan melindungi apa yang tinggal," katanya selepas majlis pelancaran Inisiatif Pemulihan Hutan Bakau Yayasan CIMB - UKM di Taman Alam Kuala Selangor, di sini, semalam.

Terdahulu, 700 anak pokok kayu bakau ditanam di kawasan berkenaan yang disertai kira-kira 200 individu membabitkan kakitangan, penyelidik serta sukarelawan daripada Yayasan CIMB dan UKM.



Antara kakitangan, penyelidik serta sukarelawan daripada Yayasan CIMB dan UKM menanam anak pokok kayu bakau di Taman Alam Kuala Selangor, semalam. (Foto ihsan pembaca)

Dr Wan Kamal berkata, pihaknya juga tidak menghalang sebarang projek pembangunan dan menganggap ia konsep yang salah.

"Tidak dinafikan, banyak pembangunan, terutama sektor pelancongan yang akan dilakukan terhadap kawasan pesisir pantai, termasuk hutan bakau.

"Apa yang penting, semua pihak harus berganding bahu dan berbincang adakah ia sesuai atau tidak," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan CIMB Mohamed Rafe Mohamad Haneef berkata, program yang diadakan itu adalah yang pertama di bawah pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar.

Beliau berkata, sebanyak RM380,000 diperuntukkan kepada UKM yang akan menjalankan kajian pembangunan di kawasan Taman Alam Kuala Selangor bagi penanaman anak pokok kayu bakau.